

# BENTUK-BENTUK AMALAN RASUAH DI SEKTOR AWAM: SATU TINJAUAN AWAL TERHADAP PERSEPSI PENJAWAT AWAM DI NEGERI SABAH

## *FORMS OF CORRUPTION IN THE PUBLIC SECTOR: A PRELIMINARY SURVEY OF PUBLIC SERVANTS' PERCEPTIONS IN THE STATE OF SABAH*

Anis Suraya Binti Muhamad Zaib <sup>1</sup>  
Noor Syakirah Binti Zakaria <sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Malaysia  
(Email: [anissuraya9723@gmail.com](mailto:anissuraya9723@gmail.com))

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Malaysia  
(Email: [syakirah@ums.edu.my](mailto:syakirah@ums.edu.my))

\*Corresponding author: [anissuraya9723@gmail.com](mailto:anissuraya9723@gmail.com)

### Article history

Received date : 20-1-2026

Revised date : 21-1-2026

Accepted date : 11-2-2026

Published date : 5-4-2026

### To cite this document:

Muhamad Zaib, A. S., & Zakaria, N. S. (2026).

Bentuk-bentuk amalan rasuah di sektor awam: Satu tinjauan awal terhadap persepsi penjawat awam di negeri Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (82), 431 - 452.

**Abstrak:** *Amalan rasuah merupakan isu kompleks yang sentiasa mendapat perhatian bukan sahaja dalam kalangan akademik, tetapi juga turut menjadi fokus perbincangan dalam kalangan masyarakat, organisasi dan tidak terkecuali ahli politik dan juga pihak kerajaan. Amalan rasuah yang berlaku di sesebuah negara mempunyai pelbagai implikasi negatif terhadap pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Antaranya adalah mampu mengugat keamanan dan seterusnya meruntuhkan sesebuah negara. Berdasarkan kajian lepas, kurang pemahaman mengenai bentuk amalan rasuah telah dikenal pasti mampu mempengaruhi hasrat untuk mengamalkan amalan rasuah ini terutamanya dalam kalangan penjawat awam. Oleh itu, artikel ini membincangkan tentang persepsi penjawat awam mengenai bentuk-bentuk amalan rasuah yang sering diamalkan di persekitaran kerja mereka. Hasil kajian ini menunjukkan wang serta barang berharga adalah bentuk rasuah utama yang dipersepsikan oleh responden kajian ini. Kajian ini turut mendedahkan bahawa kebanyakan para responden tidak menganggap bentuk-bentuk lain seperti pemberian makanan dan minuman, perkhidmatan, undian dan jawatan sebagai satu bentuk rasuah yang utama, sedangkan definisi oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mendefinisikan bentuk-bentuk tersebut adalah sebahagian daripada amalan rasuah. Berdasarkan dapatan kajian ini, dicadangkan beberapa usaha untuk meningkatkan kefahaman terutamanya melalui pendidikan serta kempen berterusan bermula daripada peringkat awal iaitu pendidikan di sekolah rendah sehingga ke peringkat organisasi dan masyarakat.*

**Kata Kunci:** *Suapan, Integriti, Hubungan Industri, Etika Pekerjaan.*

**Abstract:** *Corruption is a complex issue that consistently receives attention not only from academics but also serves as a focus of discussion among the public, organizations, and, not least, politicians and government officials. The practice of corruption in a country has various negative implications for the development and progress of that country. Among them is the ability to threaten security and subsequently bring down a country. Based on previous studies, a lack of understanding regarding the forms of corrupt practices has been identified as a factor that can influence the intention to engage in these practices, particularly among civil servants. Therefore, this article discusses civil servants' perceptions of the forms of corrupt practices often practiced in their work environment. The results of this study indicate that money and valuables are the main forms of corruption perceived by the respondents in this study. This study also revealed that most respondents did not consider other forms such as giving food and drinks, services, votes, and positions as major forms of corruption, whereas the definition by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) has defined these forms as part of corrupt practices. Based on the findings of this study, several efforts are suggested to improve understanding, particularly thru education and continuous campaigns starting from the early stages, namely primary school education, up to the organizational and community levels.*

**Keywords:** *Bribery, Integrity, Industrial Relations, Work Ethics.*

## Pengenalan

Rasuah merupakan amalan yang tidak bermoral dan melibatkan masalah etika kerja yang kompleks dalam sistem pentadbiran (Yilmaz, 2024) dan rasuah boleh dikategorikan sebagai jenayah kolar putih iaitu perbuatan tanpa kekerasan oleh individu berstatus tinggi untuk keuntungan peribadi (Fredericks, McComas & Weatherby, 2016). Rasuah juga dapat difahami sebagai penyalahgunaan kuasa atau pengaruh dalam urusan rasmi bagi memperoleh manfaat secara langsung atau tidak langsung. Hal ini menunjukkan bahawa rasuah bukan sekadar pelanggaran undang-undang, tetapi juga pengkhianatan terhadap amanah dan tanggungjawab moral (Association of Certified Fraud Examiners (ACFE), 2018; Mujtaba, 2011; O'Toole 2024).

Bukti empirikal menunjukkan bahawa rasuah memberi kesan secara langsung terhadap kestabilan ekonomi dan sosial sesebuah negara, malahan negara yang memiliki kadar rasuah yang tinggi berisiko menjadi negara gagal (Zakaria et al. 2023). Amalan rasuah bukan sahaja mengganggu pengagihan sumber awam dan menindas hak rakyat untuk mendapat peluang secara adil tetapi juga melemahkan keyakinan pelabur serta menjejaskan daya saing ekonomi negara (Churchill et al., 2013; Gnimassoun & Massil, 2019; Nordin et al., 2013). Transparency International Malaysia melaporkan bahawa negara mengalami kerugian kira-kira RM40 bilion hingga RM50 bilion setiap tahun akibat aktiviti rasuah dan menunjukkan impak besar rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Manakala laporan rasmi turut menunjukkan bahawa Malaysia memperoleh skor 50/100 dan berada di kedudukan ke-57 daripada 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah 2024 (Hameed, 2022). Oleh itu, rasuah dalam ekonomi merupakan ancaman serius terhadap pembangunan mampan dan perlu ditangani melalui pendekatan sistemik dan bersepadu.

Amalan rasuah adalah bersifat kompleks kerana melibatkan pelbagai dimensi seperti individu, organisasi dan institusi yang saling berinteraksi (Luna Pla & Nicolás Carlock, 2020). Kajian berkaitan dengan rasuah ini telah mendapat perhatian bukan sahaja daripada pengkaji lepas, tetapi juga pihak berkepentingan yang lain seperti pengamal industri, pembuat dasar, agensi serta pihak berkepentingan seperti ahli politik yang terlibat secara langsung dalam

pembentukan dan pelaksanaan dasar integriti (Zakaria et al., 2023; Nash et al. 2023). Sehubungan dengan itu, kepelbagaian minat ini menunjukkan bahawa rasuah perlu difahami sebagai fenomena sosial yang mempunyai dimensi politik, ekonomi dan budaya bukan sekadar pelanggaran etika individu.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, antara isu yang sering mendapat perhatian adalah berkaitan dengan definisi dan juga bentuk-bentuk rasuah. Kepelbagaian definisi ini menimbulkan perdebatan dalam kalangan penyelidik, organisasi dan penjawat awam sendiri khususnya dalam membezakan amalan budaya tempatan dengan sogokan rasuah yang sebenar (Carlà-Uhink & Morcillo, 2024). Sebagai ringkasannya, definisi rasuah ini terbahagi kepada dua iaitu definisi autoriti yang ditentukan oleh undang-undang dan institusi penguatkuasaan seperti SPRM manakala definisi harian yang berpaksikan norma serta adat masyarakat setempat (Shamsul Amri Baharuddin, 1996; 2007). Di Malaysia, amalan budaya tempatan seperti pemberian hadiah, saguhati atau tanda penghargaan sering dianggap sebagai norma sosial oleh sesetengah pihak akan tetapi di pihak lain, ianya dilihat sebagai sogokan (Zakaria et al., 2023)

Selain itu, kurang kefahaman mengenai bentuk rasuah yang kompleks ini akan mempengaruhi hasrat untuk mengamalkan rasuah terutamanya dalam kalangan penjawat awam di persekitaran kerja (Abdul Rahman et al. 2023; Zakaria et al., 2023). Berdasarkan penelitian, rasuah terbahagi kepada dua bentuk iaitu rasuah dalam bentuk kewangan dan rasuah dalam bentuk bukan kewangan. Kajian lepas menunjukkan bahawa penjawat awam cenderung menganggap rasuah kewangan sebagai lebih serius berbanding rasuah bukan kewangan (Zakaria et al., 2023; Yap, 2022). Namun begitu, kedua-duanya memberi kesan yang sama terhadap integriti organisasi. Tanggapan bahawa bentuk bukan kewangan adalah kurang berbahaya menyebabkan ianya sering dipandang ringan, sekaligus membuka ruang normalisasi tingkah laku tidak beretika dalam organisasi sektor awam (Hassan, 2017).

Sejajar dengan itu, isu rasuah ini berleluasa di seluruh dunia dan Malaysia tidak terkecuali sebagai negara membangun yang turut terkesan. Hal ini berlaku dalam pelbagai bentuk seperti penerimaan hadiah, pemalsuan dokumen, penyalahgunaan kuasa, dan penyelewengan aset awam untuk kepentingan peribadi. Abdullah, Sulong dan Said (2014) menegaskan bahawa gejala ini lazim dalam sektor awam bagi memperoleh manfaat peribadi. Situasi ini disokong dengan kejadian tangkapan dan siasatan terbaru oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dimana penahanan beberapa penjawat awam pada Mac 2024 yang disyaki menerima suapan lebih RM5 juta menggambarkan kerentanan atau kecenderungan sektor awam kepada rangka kerja rasuah berstruktur dan pengaruh sindiket. Hal ini menunjukkan tahap persepsi rasuah di Malaysia masih sederhana dan menuntut pengukuhan integriti serta akauntabiliti terutamanya di sektor awam.

Kerajaan Malaysia mengiktiraf sektor awam sebagai tulang belakang pentadbiran dan pengurusan negara. Bagi mencegah salah laku seperti penipuan dan rasuah, amalan integriti diterapkan di setiap jabatan kerajaan melalui pelbagai dasar, latihan serta mekanisme pengawasan. Namun begitu, di sebalik aspirasi Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang 2030, isu ketidakcekapan, penyelewengan dan rasuah dalam sektor awam masih menjadi kebimbangan utama yang menjejaskan kepercayaan terhadap tadbir urus awam (Johari et al., 2020; Nafi & Kamaluddin, 2020; Sajari et al., 2019). Situasi ini menunjukkan bahawa pelaksanaan dasar integriti sedia ada belum sepenuhnya berupaya mengubah budaya organisasi dan tingkah laku etika penjawat awam. Kegagalan menegakkan integriti boleh menjejaskan tadbir urus serta membawa kepada penipuan dan ketidakcekapan (Abdullah, Daud &

Hanapiyah, 2020; Khan et al., 2021). Sebagai pemangkin pembangunan sosial dan ekonomi, penjawat awam perlu menjalankan tanggungjawab dengan telus, berintegriti dan berakuntabiliti bagi memastikan sumber kerajaan diurus secara adil serta perkhidmatan kepada rakyat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan (Johari et al., 2020; Ntayi et al., 2013; Adam & Rachman-Moore, 2004). Dalam konteks hubungan industri, kelemahan integriti dalam kalangan penjawat awam boleh menggugat iklim etika pekerjaan kerana pekerja mungkin gagal mengenal pasti sempadan antara “budi bahasa” dan “sogokan” sekali gus menjejaskan kepercayaan dan profesionalisme antara sektor awam.

Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi menilai bentuk-bentuk amalan rasuah berdasarkan persepsi penjawat awam di Sabah dengan tujuan memahami bagaimana mereka mentafsir dan membezakan antara bentuk rasuah yang nyata dan yang terselindung di sebalik norma budaya organisasi. Secara khususnya, kajian ini menyumbang kepada literatur dengan memperjelas perbezaan antara rasuah kewangan dan bukan kewangan serta membantu merangka strategi pencegahan yang lebih bersasar dalam sektor awam Malaysia.

### **Permasalahan Kajian**

Walaupun definisi rasuah telah diperjelaskan melalui Akta SPRM 2009, UNCAC dan Transparency International, jurang masih wujud antara takrifan autoriti dan tafsiran harian dalam kalangan penjawat awam. Rasuah sering difahami secara sempit sebagai pemberian wang tunai, sedangkan bentuk bukan kewangan seperti kelebihan kerjaya, pelantikan jawatan dan penyalahgunaan kuasa turut diiktiraf sebagai suapan. Kekaburan ini berpotensi menormalisasikan rasuah berasaskan kuasa serta melemahkan keberkesanan dasar integriti (OECD, 2024; Transparency International, 2023). Walaupun banyak kajian meneliti impak rasuah terhadap ekonomi dan tadbir urus, kajian empirikal yang menilai bagaimana penjawat awam mentafsir bentuk-bentuk rasuah dalam konteks kerja seharian, khususnya di Sabah, masih terhad. Justeru itu, persoalan timbul sama ada penjawat awam benar-benar memahami bahawa rasuah bukan sahaja melibatkan wang tunai, tetapi juga bentuk bukan kewangan yang lebih terselindung.

### **Sorotan Literatur**

Amalan rasuah ini merupakan suatu isu yang sering dibahaskan di peringkat global mahupun nasional. Perbincangan amalan ini ekoran daripada masalah kekaburan definisi rasuah serta kurang pemahaman mengenai bentuk amalan rasuah yang mampu mempengaruhi hasrat untuk mengamalkan amalan rasuah terutamanya dalam kalangan penjawat awam (Barsukova & Ledeneva, 2014; Soroka, 2025).

### **Definisi Rasuah**

Rasuah merupakan fenomena sosial yang kompleks dan mempunyai pelbagai dimensi menjadikannya sukar untuk ditakrif secara seragam di seluruh dunia. Hal ini bukan sekadar pelanggaran undang-undang akan tetapi turut mencerminkan nilai moral, budaya, dan etika kerja sesebuah masyarakat (Basabose, 2019; Pardo, 2017). Dalam konteks pentadbiran awam, rasuah berlaku apabila seseorang menggunakan kuasa atau kedudukan yang diamanahkan untuk memperoleh keuntungan peribadi atau kumpulan, sama ada dalam bentuk kewangan mahupun bukan kewangan. Oleh itu, memahami definisi rasuah dengan jelas amat penting bagi memastikan kefahaman yang konsisten dalam penyelidikan, pelaksanaan dasar, serta usaha pencegahan rasuah secara menyeluruh.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas, didapati tidak ada satu definisi yang universal yang dapat digunakan dalam memahami maksud rasuah. Sungguhpun demikian, Rabl dan Kuhlman (2008) telah menggariskan lima ciri-ciri rasuah utama yang menjadikannya sukar dikawal, iaitu tiada mangsa langsung, berlaku secara rahsia, penyalahgunaan kuasa, pelanggaran norma moral dan undang-undang, serta unsur pertukaran melalui hadiah atau bantuan. Ciri-ciri ini menunjukkan bahawa rasuah sering berpunca daripada interaksi sosial antara individu dan organisasi yang menyebabkan pemberian seperti hadiah mudah disalah tafsir sebagai amalan sosial yang diterima bukannya perbuatan rasuah.

Tambahan lagi, Shamsul Amri (2020) telah mencadangkan dua jenis definisi rasuah iaitu definisi autoriti dan harian. Secara umum boleh dikatakan, definisi autoriti merujuk kepada takrif rasmi yang digubal oleh pihak berkuasa seperti kerajaan, institusi undang-undang atau badan antirasuah. Situasi ini menggambarkan apa yang ditetapkan sebagai salah di sisi undang-undang dan moral rasmi (Shamsul Amri, 2020). Sebaliknya, definisi rasuah harian pula menggambarkan makna dan pengalaman rasuah dalam kehidupan seharian masyarakat termasuk bagaimana individu mentafsir, menilai atau menormalisasikan sesuatu perbuatan sebagai rasuah atau bukan rasuah (Shamsul Amri, 2020).

Oleh itu, walaupun definisi autoriti menjelaskan sempadan rasuah secara perundangan, definisi harian merupakan yang lebih sukar difahami dan diubah kerana ianya berakar dalam sistem nilai, budaya organisasi dan norma masyarakat. Kekeliruan ini turut berlaku dalam kalangan penjawat awam apabila sebahagian mereka menafsirkan amalan seperti pemberian hadiah, layanan istimewa atau pertukaran kecil sebagai tanda penghargaan dan bukan sebagai perbuatan rasuah. Situasi ini menyebabkan pelaksanaan dasar antirasuah tidak sepenuhnya efektif kerana persepsi dan tafsiran individu terhadap amalan seharian sering kali tidak sejajar dengan maksud undang-undang rasmi.

### **Definisi Autoriti Berkaitan Amalan Rasuah**

Dalam memahami fenomena rasuah, wujud keperluan untuk membezakan antara definisi autoriti dan definis harian. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2017), definisi autoriti ialah realiti sosial yang dibentuk, ditakrif, dikawal dan dipropagasikan atau disebarluaskan melalui oleh pihak berkuasa seperti kerajaan, institusi rasmi, media arus perdana dan golongan akademik. Definisi ini menjadi kerangka rujukan atau wacana rasmi utama yang membentuk cara masyarakat memahami, menilai serta bertindak terhadap sesuatu isu. Dalam konteks rasuah, ianya menjelaskan apa yang dianggap sebagai perbuatan salah menurut undang-undang, norma institusi, dan kerangka moral negara.

Dalam wacana akademik dan institusional, pelbagai definisi autoriti mengenai rasuah telah digubal berdasarkan kerangka undang-undang dan prinsip kebertanggungjawaban kuasa seperti World Bank (1997) mentakrifkan rasuah sebagai penyalahgunaan kuasa awam untuk kepentingan peribadi. Definisi ini mendapat sokongan empirikal dalam banyak kajian. Sebagai contoh, kajian di Malaysia oleh Ahmad et al. (2023) menunjukkan bahawa antara aktiviti rasuah yang paling diiktiraf ialah *misuse or taking advantage of entrusted positions and power*. Begitu juga, kajian oleh Haron (2020) mendapati bahawa kekurangan pengawasan dan peluang penyalahgunaan kuasa adalah asas kepada rasuah dalam kuasa tempatan, dan kajian oleh Riyadi (2023) menunjukkan bahawa penyalahgunaan kuasa adalah faktor utama dalam pentadbiran undang-undang. Definisi ini menekankan dimensi institusional dan fungsi kuasa, iaitu apabila individu yang diberi amanah awam menggunakan kedudukannya untuk tujuan peribadi.

Sementara itu, Transparency International (TI, 1995) memberikan definisi yang hampir sama iaitu *the abuse of entrusted power for private gain* iaitu penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan peribadi. Kajian lepas iaitu Kaufmann et al. (2019) menekankan bahawa rasuah berlaku apabila terdapat penyalahgunaan kuasa yang dipercayakan dan memberi keuntungan peribadi sambil menjejaskan kepentingan awam. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian lepas seperti Snow (2024) menyatakan bahawa definisi TI adalah yang paling banyak digunakan dalam literatur anti-rasuah kerana mudah difahami dan boleh diterapkan dalam konteks sektor awam dan swasta. Takrifan ini digunakan secara meluas oleh kerajaan dan organisasi antirasuah di seluruh dunia kerana bersifat ringkas, jelas serta boleh diaplikasikan dalam pelbagai konteks sektor awam dan swasta.

Selain itu, United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC, 2004) melalui United Nations Convention against Corruption (UNCAC, 2005) pula mentakrifkan rasuah sebagai satu siri perbuatan meliputi penyuaipan, penggelapan, penyalahgunaan kuasa, serta pelanggaran integriti dalam sektor awam dan swasta. Kajian terdahulu mendedahkan bahawa Fazlioglu (2021) apabila instrumen antarabangsa seperti UNCAC dilaksanakan, pengukuran rasuah meliputi lebih daripada hanya sogokan tunai akan tetapi ianya turut merangkumi penyalahgunaan fungsi formal, pengayaan haram serta penggelapan aset. Takrifan ini memperluas pemahaman rasuah sebagai fenomena pelanggaran etika dan undang-undang yang merentas pelbagai bidang kuasa.

Di peringkat nasional, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) mendefinisikan rasuah secara perundangan sebagai perbuatan memberi, menawarkan, menerima atau bersetuju menerima apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah kepada seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang berkaitan dengan tugas rasminya. Penelitian empirikal mendapati bahawa Mohamad Radzwill Abdullah (2012) walaupun pelaksanaan Akta 694 memberi kuasa tambahan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kualiti penguatkuasaan dan pemantauan masih menghadapi cabaran terutamanya dalam memastikan definisi suapan dan tanggungjawab penjawat awam difahami secara menyeluruh oleh semua pihak.

Meskipun begitu, definisi autoriti tidak bebas daripada pengaruh kuasa politik dan ideologi. Hal ini berlaku kerana, ianya sering menggambarkan perspektif negara terhadap moral sosial dan kawalan tingkah laku warganya (Shamsul Amri, 2001). Justeru itu, wacana autoriti mengenai rasuah lebih menekankan aspek penguatkuasaan, hukuman dan usaha mengekalkan keteraturan sosial, berbanding memberi perhatian kepada dimensi budaya dan moral yang lebih mendalam. Hal ini menyebabkan tafsiran rasmi tentang rasuah sering kali berbeza daripada pemahaman rakyat biasa yang menilai perbuatan rasuah berdasarkan nilai budaya dan hubungan sosial (Heywood, 2017; Alatas, 1999).

**Jadual 1: Ringkasan Definisi Autoriti Berkaitan Amalan Rasuah**

Tahun	Institusi Autoriti	Definisi Rasuah
1995	Transparency International (TI)	Penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan peribadi.
1997	World Bank	Penyalahgunaan kuasa awam untuk kepentingan peribadi.
2004	United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)	Mentakrifkan rasuah sebagai satu siri perbuatan termasuk penyuaipan, penggelapan, penyalahgunaan kuasa, serta pelanggaran integriti dalam sektor awam dan swasta.

---

2009	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694)	Perbuatan memberi, menawarkan, menerima atau bersetuju menerima apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah kepada seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang berkaitan dengan tugas rasminya.
------	--	---

---

### Definisi Harian Berkaitan Amalan Rasuah.

Definisi rasuah harian ini berasaskan realiti sosial dan pengalaman seharian individu atau komuniti yang membentuk kefahaman mereka terhadap apa yang dianggap sebagai rasuah dalam konteks kehidupan sebenar. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (1996, 2008) realiti sosial tidak hanya terbentuk melalui struktur kuasa atau institusi formal, tetapi juga melalui pengalaman hidup, interaksi sosial, budaya popular, dan amalan seharian yang membentuk makna sesuatu fenomena secara berlapis. Dalam konteks rasuah, takrifan harian merujuk kepada bagaimana masyarakat mentafsir, menilai dan menghayati makna rasuah berdasarkan norma budaya, nilai sosial dan situasi ekonomi mereka sendiri serta bukan semata-mata berdasarkan undang-undang atau definisi rasmi.

Terdapat beberapa definisi rasuah harian seperti “duit kopi” atau “upah kecil”. Dalam banyak konteks tempatan terutama dalam sektor perkhidmatan awam, pemberian sejumlah wang kecil kepada pegawai dianggap sebagai “duit kopi” untuk mempercepatkan urusan. Walaupun dari segi undang-undang ianya dikategorikan sebagai suapan akan tetapi masyarakat sering menilainya sebagai amalan biasa yang tidak membahayakan sesiapa (Larmour, 2012; Abdullah, 2018). Kajian terdahulu mendedahkan bahawa Johnston (2005) dan Quah (2017) masyarakat cenderung menormalisasi pemberian wang kecil dalam urusan harian kerana ianya dilihat sebagai *facilitation fee* yang memudahkan perkhidmatan tanpa memberi kesan negatif yang jelas kepada individu lain.

Seterusnya ialah hadiah sebagai tanda penghargaan. Dalam budaya masyarakat Asia termasuk Malaysia, pemberian hadiah selepas menerima perkhidmatan sering dilihat sebagai tanda terima kasih atau penghargaan bukan sebagai rasuah. Namun begitu, menurut Akta SPRM 2009 hadiah yang diberikan kepada penjawat awam boleh dianggap sebagai rasuah jika mempunyai niat tersirat untuk mempengaruhi keputusan rasmi (MACC, 2020). Kajian Syed Hussein Alatas (1999) menunjukkan bahawa dalam konteks budaya Timur, pemberian hadiah sering diterima sebagai amalan sosial yang sebahagian besarnya dianggap sebagai norma sopan santun, akan tetapi ianya boleh disalah tafsir sebagai rasuah apabila disertai niat tersembunyi untuk keuntungan peribadi. Kajian empirikal oleh Åkerström (2017) dan Sebastian-Lira (2024) menyokong dapatan ini dengan menunjukkan bahawa pemberian hadiah selepas perkhidmatan sering dianggap sebagai amalan budaya sopan untuk mengekalkan hubungan sosial, bukan sebagai rasuah, khususnya dalam konteks rasmi dan profesional.

Di samping itu, balas budi dalam hubungan sosial turut menjadi faktor pemberian rasuah. Dalam masyarakat yang berasaskan hubungan kekeluargaan dan komuniti rapat, konsep balas budi sering dianggap penting, di mana seseorang membantu pihak lain dengan harapan akan dibantu semula kemudian. Namun begitu, apabila nilai ini dibawa ke dalam konteks pentadbiran awam, ianya boleh menjadi asas kepada amalan nepotisme atau favouritisme yang dianggap biasa akan tetapi menyalahi prinsip integriti (Husted, 1999; Johnston, 2005). Larmour (2012) menekankan bahawa rasuah jenis ini sukar dikesan kerana ianya berpunca daripada norma sosial dan hubungan peribadi bukannya pertukaran wang yang jelas. Penelitian empirikal mendapati bahawa Jones dan Stout (2015) dan Oliveira (2017) menunjukkan amalan seperti “balas jasa” dan “tolong-menolong” sering berakar daripada nilai budaya dan moral sosial yang

menekankan keakraban komuniti, namun apabila diterjemahkan dalam konteks pentadbiran awam, ianya boleh melahirkan nepotisme dan menjejaskan prinsip keadilan serta kelayakan dalam pelantikan jawatan.

Selain itu, kewujudan budaya organisasi yang bersifat permisif atau bertolak ansur terhadap tingkah laku tidak beretika turut menyumbang kepada penerimaan amalan rasuah. Dalam sesetengah jabatan awam, wujud norma tidak rasmi seperti “jangan lapor rakan sekerja” atau “anggap kesalahan kecil sebagai perkara biasa” yang menggambarkan bentuk takrifan harian rasuah yang telah diterima dan dinormalisasikan dalam organisasi. Hal ini menunjukkan bahawa tafsiran terhadap rasuah bukan hanya isu individu tetapi juga hasil daripada budaya kerja dan norma kumpulan (Luo, 2005). Dapatan kajian oleh Rose-Ackerman (1999) serta Bergemann dan Aven (2020, 2022) menunjukkan bahawa budaya organisasi yang permisif terhadap kesalahan kecil dan amalan saling melindungi rakan sekerja menormalisasi tingkah laku tidak beretika, sekali gus meningkatkan toleransi terhadap rasuah dan mengurangkan kecenderungan untuk melaporkan salah laku (*whistleblowing*).

Kekeliruan dalam kalangan masyarakat khususnya penjawat awam terhadap definisi rasuah sering timbul akibat jurang antara takrifan autoriti dan takrifan sosial di mana undang-undang menekankan peraturan serta penalti, manakala masyarakat menilai berdasarkan nilai sosial dan niat peribadi (Zakaria et al., 2023). Keadaan ini menjadikan sempadan antara apa yang dianggap sah dan salah atau antara yang biasa dan berdosa menjadi kabur. Akibatnya, kempen antirasuah berhadapan cabaran apabila sesuatu perbuatan yang jelas menyalahi undang-undang tidak semestinya dianggap salah oleh masyarakat. Persepsi terhadap rasuah sangat bergantung pada konteks sosial, budaya dan sistem nilai tempatan menjadikan pemahaman tentang rasuah bersifat relatif, kontekstual dan subjektif bergantung pada tahap kesedaran etika dan integriti individu (Johnston, 2005; Larmour, 2012).

**Jadual 2: Ringkasan Definisi Harian Berkaitan Amalan Rasuah.**

Tahun	Sumber	Definisi Harian
2018	Abdullah	Duit kopi / Upah kecil: Pemberian sejumlah wang kecil kepada pegawai untuk mempercepatkan urusan rasmi; dianggap sebagai amalan biasa atau “ <i>facilitation fee</i> ” yang memudahkan perkhidmatan tanpa menjejaskan sesiapa secara jelas.
2020	MACC	Hadiah sebagai tanda penghargaan: Pemberian hadiah selepas menerima perkhidmatan dilihat sebagai tanda terima kasih atau sopan santun; boleh dianggap rasuah jika berniat mempengaruhi keputusan atau layanan masa hadapan.
2012	Larmour	Balas budi / Nepotisme / Favouritism: Memberi bantuan atau kelebihan kepada pihak lain berdasarkan hubungan peribadi atau sosial; dalam konteks pentadbiran awam, boleh menyalahi prinsip integriti kerana berpunca daripada norma sosial dan hubungan peribadi, bukan pertukaran wang yang jelas.
2005	Luo	Budaya organisasi permisif: Norma tidak rasmi seperti “jangan lapor kawan” atau “anggap perkara kecil” yang diterima dalam organisasi; membolehkan rasuah berkembang secara sistemik kerana tingkah laku tidak beretika dinormalisasi dalam budaya kerja.

### Bentuk Amalan Rasuah

Kajian lepas mendapati terdapat variasi bentuk rasuah yang menunjukkan bahawa amalan ini tidak hanya melibatkan wang tetapi juga boleh berlaku dalam bentuk bukan kewangan. Rabl dan Kühlmann (2008) pula menegaskan bahawa rasuah melibatkan unsur pertukaran yang boleh berlaku melalui wang, hadiah atau peluang tertentu. Dalam konteks budaya Asia seperti Malaysia, pemberian hadiah atau layanan istimewa sering dianggap sebagai tanda hormat namun apabila bertujuan mempengaruhi keputusan rasmi, ianya tergolong sebagai rasuah bukan kewangan (Kuris et al. 2022).

Secara umumnya, terdapat dua jenis bentuk rasuah yang dapat disimpulkan iaitu rasuah dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan. Rasuah kewangan melibatkan wang atau imbuhan material yang nyata ironinya, rasuah bukan kewangan merangkumi hadiah, peluang pekerjaan, percutian atau bantuan perkhidmatan yang mempunyai nilai tersirat (Klitgaard, 2015; Walton & Jackson, 2020). Dalam kalangan penjawat awam, rasuah dalam bentuk bukan kewangan lebih sukar dikesan kerana sering disamarkan oleh nilai sosial dan budaya budi bahasa (Zakaria et al. 2023).

Oleh itu, penting untuk memahami bagaimana penjawat awam melihat dan mentafsir bentuk rasuah bagi menilai had etika dalam budaya dan organisasi kerja. Persepsi ini menentukan sama ada sesuatu pemberian dianggap salah laku atau sekadar amalan sosial yang diterima (Åkerström, 2017). Kefahaman ini seterusnya dapat membantu merangka strategi pencegahan rasuah yang lebih berkesan dan sesuai dengan konteks tempatan (Sebastian-Lira, 2024).

### Bentuk Rasuah Kewangan

Rasuah kewangan merupakan bentuk rasuah yang paling lazim dan mudah dikenal pasti dalam pelbagai konteks pentadbiran awam. Bentuk ini sering dikaitkan dengan pertukaran nilai material atau wang bagi tujuan mendapatkan kelebihan tertentu, mempercepat urusan, atau mempengaruhi keputusan rasmi. Dari sudut definisi, bentuk rasuah kewangan lazimnya merujuk kepada pemberian atau penerimaan bayaran wang, komisen, atau faedah material bagi mempengaruhi keputusan seseorang yang mempunyai kuasa (OECD, 2017; Rose-Ackerman, 2018). Dalam konteks pentadbiran kerajaan, rasuah kewangan dianggap sebagai salah satu bentuk penyalahgunaan kuasa yang paling jelas kerana ianya melibatkan imbuhan langsung yang bertentangan dengan prinsip integriti dan akauntabiliti (Rose-Ackerman, 2018).

Bentuk rasuah kewangan mengikut aspek autoriti merangkumi pelbagai jenis interaksi yang melibatkan pemberian wang, barangan berharga, atau keuntungan material lain untuk memperoleh faedah tertentu. Menurut UNCAC (2003), bentuk rasuah utama termasuk suapan (*bribery*), penyelewengan (*embezzlement*), dan pengayaan haram (*illicit enrichment*). Rose-Ackerman (2018) menegaskan bahawa suapan dan penyelewengan dana awam merupakan bentuk rasuah paling meluas di peringkat global berpunca daripada interaksi antara pemberi dan penerima dalam birokrasi yang kompleks. Pengayaan haram pula berlaku apabila pegawai awam mengumpul kekayaan secara tidak sah sekali gus menghakis kepercayaan terhadap institusi awam. Penelitian empirikal mendapati bahawa suapan, penyelewengan dana, dan pengayaan haram merupakan bentuk rasuah kewangan dominan dalam sektor awam akibat kelemahan kawalan dalaman (Deyong & Ferguson, 2017; Ngah & Hussain, 2023; UNCAC, 2003).

Selain itu, laporan UNODC, UNDP & UNODC-INEGI (2018) menyatakan bahawa bentuk rasuah lain melibatkan pemberian wang tunai, barangan berharga, atau pertukaran bantuan

untuk mempercepat proses pentadbiran atau mendapatkan keistimewaan tertentu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Deyong dan Ferguson (2017) serta Dosumu (2018) amalan ini lazim berlaku dalam projek pembangunan dan perolehan awam terutamanya di negara yang mengalami kelemahan sistem pemantauan dan pengawasan. Dalam konteks Malaysia, Azrul Aduka Ahmad et al. (2023) mendapati pegawai awam mengakui wujudnya pemberian wang tunai atau hadiah kecil bagi mempercepatkan kelulusan dokumen atau tender sejajar dengan dapatan UNODC.

Transparency International (2022, 2023) pula, menekankan bahawa bentuk rasuah kewangan merangkumi pemberian wang atau imbuhan untuk mempengaruhi keputusan rasmi atau memperoleh kelebihan dalam perkhidmatan awam. Kajian empirikal menunjukkan bahawa rasuah kewangan wujud dalam pelbagai bentuk di sektor awam Malaysia, termasuk suapan tunai, komisen tersembunyi dan ganjaran material untuk mempengaruhi keputusan rasmi, terutama dalam perolehan dan pemberian tender (Ngah & Hussain, 2023; Azrul Aduka Ahmad et al., 2023; OECD, 2021). Kesemua bentuk rasuah ini secara kolektif menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap integriti institusi dan melemahkan prinsip tadbir urus yang baik.

Di peringkat nasional, Akta SPRM 2009 (Akta 694) memperincikan suapan kewangan seperti wang tunai, pinjaman, diskaun, komisen, atau janji faedah masa hadapan yang memberi keuntungan material kepada pegawai awam (MACC, 2020). Kajian terdahulu mendedahkan bahawa Abdullah (2018), Azrul Aduka Ahmad et al. (2023), serta Ngah dan Hussain (2023) menyokong suapan kewangan seperti duit kopi, hadiah kecil, dan imbuhan kepada pegawai awam masih meluas dalam proses kelulusan permit, perolehan, dan projek kerajaan bagi mempengaruhi atau mempercepatkan keputusan rasmi. Walaupun jumlahnya kecil, suapan kewangan tetap menjejaskan integriti, ketelusan dan prinsip keadilan dalam pentadbiran awam (Larmour, 2012).

Oleh sebab itu, bentuk rasuah kewangan bukan sahaja berlaku pada tahap institusi melalui mekanisme rasmi seperti suapan, penyelewengan, atau pengayaan haram yang ditetapkan oleh pihak berkuasa (UNCAC, 2003; Rose-Ackerman, 2018), malahan ianya turut wujud dalam kehidupan harian penjawat awam. Contohnya, amalan duit kopi atau *facilitation payment* untuk mempercepatkan kelulusan lesen, sijil, atau dokumen rasmi, pemberian hadiah seperti hamper, baucar, atau cenderamata selepas perkhidmatan, serta bayaran tidak rasmi bagi mengelakkan prosedur atau mengurangkan masa menunggu (MACC, 2020; Transparency International, 2023). Walaupun dalam konteks sosial beberapa amalan ini dianggap sebagai penghargaan kecil yang tidak membahayakan, ianya tetap dikategorikan sebagai rasuah dari segi undang-undang dan menjejaskan integriti serta ketelusan pentadbiran awam.

**Jadual 3: Ringkasan Bentuk Rasuah Kewangan**

Sumber	Institusi	Bentuk Rasuah
UNCAC (2003)	United Nations Convention against Corruption	Suapan, Penyelewengan, Pengayaan haram.
Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Suapan kewangan
UNODC, UNDP & UNODC-INEGI (2018)	Pusat Kecemerlangan UNODC-INEGI	Wang tunai, barangan berharga, pertukaran bantuan
Transparency International (2022, 2023)	Transparency International Global & Malaysia	Wang, bayaran, ganjaran kewangan

### Bentuk Rasuah Bukan Kewangan

Rasuah bukan kewangan merujuk kepada penyalahgunaan kuasa atau kedudukan tanpa pertukaran wang secara langsung tetapi memberi kelebihan peribadi melalui faedah bukan material seperti hadiah, layanan, peluang kerjaya atau pengaruh sosial (Zgheib, 2015). Bentuk ini sukar dikesan kerana sering disamarkan sebagai budaya budi bahasa atau tanda penghargaan (Rose-Ackerman, 1999). UNCAC (2003) dan Akta SPRM 2009 mengiktiraf suapan bukan kewangan sebagai rasuah manakala Transparency International (2023) turut menyenaraikan nepotisme dan konflik kepentingan sebagai bentuk rasuah.

Bentuk rasuah bukan kewangan menurut UNCAC (2003) merangkumi penyalahgunaan fungsi dan pengaruh tidak wajar di mana individu menggunakan kedudukan atau hubungan mereka untuk memperoleh faedah bukan material. Penemuan kajian menunjukkan bahawa rasuah bukan kewangan kerap berlaku dalam projek perolehan awam dan pembangunan di negara dengan kelemahan pemantauan, seperti pemberian peluang jawatan atau keutamaan sebagai balasan perkhidmatan tertentu (Deyong & Ferguson, 2017; Dosumu, 2018). Rose-Ackerman (2018) menekankan bahawa amalan ini lazim dalam birokrasi global, terutamanya apabila pegawai atau individu berpengaruh menggunakan kedudukan mereka untuk mempengaruhi keputusan atau memberikan layanan istimewa kepada rakan dan kenalan, contohnya melalui pengagihan sumber atau pelantikan jawatan berdasarkan pengaruh sosial dan bukannya merit.

Di samping itu, UNODC, UNDP & UNODC-INEGI (2018) menekankan rasuah bukan kewangan dalam bentuk ganjaran seperti makanan, minuman, peluang kerjaya atau jawatan kepada kenalan sebagai balasan kepada perkhidmatan tertentu. Bukti kajian menunjukkan bahawa Deyong dan Ferguson (2017) serta Dosumu (2018) amalan ini kerap berlaku dalam perolehan awam atau projek pembangunan di negara yang mempunyai kelemahan dalam sistem pemantauan. Di Malaysia, Azrul Aduka Ahmad et al. (2023) mendapati pegawai awam mengakui wujudnya pemberian ganjaran seperti makanan, layanan istimewa, atau peluang jawatan kepada rakan sekerja atau kenalan sebagai imbuhan selaras dengan dapatan UNODC.

Selanjutnya, laporan Transparency International menekankan rasuah bukan kewangan yang berpunca daripada penyalahgunaan hubungan sosial, kedudukan atau kuasa untuk memperoleh kelebihan peribadi. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa Ngah dan Hussain (2023) dalam sektor awam Malaysia, pegawai menerima layanan istimewa, peluang jawatan, atau manfaat lain berdasarkan hubungan sosial, nepotisme, atau konflik kepentingan. Contohnya termasuk pelantikan jawatan tertentu atau keutamaan dalam proses tender bagi individu yang mempunyai pengaruh atau hubungan dengan pegawai berkuasa yang secara langsung menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap integriti institusi.

Dalam konteks Malaysia, Akta SPRM 2009 menekankan suapan bukan kewangan yang merangkumi hadiah, perkhidmatan, kemudahan, atau faedah bukan tunai yang memberikan kelebihan tidak wajar kepada penerima (MACC, 2020). Kajian terdahulu mendedahkan bahawa Abdullah (2018) dan Azrul Aduka Ahmad et al. (2023) mendapati pegawai awam Malaysia kadangkala menerima hadiah, layanan istimewa, atau kemudahan untuk mempercepatkan kelulusan permit, tender, atau projek kerajaan, sekali gus menjejaskan integriti dan ketelusan pentadbiran awam. Walaupun bentuk ini tidak melibatkan wang tunai secara langsung, ianya tetap menjejaskan integriti dan ketelusan pentadbiran awam serta membentuk budaya rasuah halus yang sukar dikesan.

Perbezaan antara rasuah kewangan dan bukan kewangan wujud kerana setiap institusi dan bidang mempunyai fokus dan tujuan sendiri. Dari sudut autoriti, institusi seperti UNCAC dan Akta SPRM menekankan definisi undang-undang untuk memandu penguatkuasaan, manakala UNODC/UNDP memberi tumpuan kepada mekanisme teknikal dalam projek perolehan atau peluang jawatan, dan Transparency International menekankan kesan rasuah terhadap integriti serta kepercayaan masyarakat. Sebaliknya, rasuah harian muncul daripada interaksi sosial, budaya organisasi dan amalan rutin penjawat awam seperti pemberian duit kopi, cenderamata, layanan istimewa atau keutamaan tertentu yang lebih sukar diukur kerana berakar dalam norma sosial.

Justeru itu, dalam kajian ini mengenal pasti enam bentuk utama rasuah makanan dan minuman, barangan berharga, wang tunai, kelebihan kerjaya, jawatan atau pekerjaan dan pertukaran perkhidmatan yang sering berlaku dalam sektor awam. Pengenalpastian bentuk-bentuk ini penting bagi merangka strategi pencegahan yang sesuai dengan konteks sosial dan budaya tempatan demi memperkukuh tadbir urus berintegriti.

**Jadual 4: Ringkasan Bentuk Rasuah Bukan Kewangan**

Sumber	Institusi	Bentuk Rasuah
UNCAC (2003)	United Nations Convention against Corruption	Penyalahgunaan fungsi, Pengaruh tidak wajar.
Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Suapan bukan kewangan
UNODC, UNDP & UNODC-INEGI (2018)	Pusat Kecemerlangan UNODC-INEGI	Makanan/minuman, faedah kerjaya, jawatan kepada kenalan
Transparency International (2022, 2023)	Transparency International Global & Malaysia	Hadiah, layanan, pengaruh, nepotisme, konflik kepentingan



**Rajah 1: Bentuk Rasuah (Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2023)**

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa walaupun definisi autoriti rasuah telah diperincikan secara jelas oleh institusi antarabangsa dan nasional, tafsiran harian dalam kalangan masyarakat dan penjawat awam masih dipengaruhi oleh norma budaya, hubungan sosial dan rasionalisasi organisasi. Kebanyakan kajian terdahulu memberi penekanan

terhadap implikasi rasuah terhadap ekonomi, tadbir urus dan pembangunan negara, namun kurang meneliti secara empirikal bagaimana penjawat awam mentafsir bentuk rasuah dalam konteks kerja seharian mereka.

Selain itu, walaupun literatur membezakan antara rasuah kewangan dan bukan kewangan, masih terdapat jurang dalam memahami sejauh mana bentuk bukan kewangan diiktiraf sebagai rasuah oleh penjawat awam sendiri. Jurang ini penting kerana persepsi individu terhadap sesuatu amalan akan menentukan kecenderungan mereka untuk menerima atau menolak perlakuan tersebut. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan menilai persepsi penjawat awam di Sabah terhadap enam bentuk rasuah utama, selaras dengan objektif kajian yang telah digariskan.

### **Metodologi**

Kajian kuantitatif ini melibatkan seramai 502 penjawat awam terpilih di negeri Sabah merangkumi kawasan Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Semporna. Responden terdiri daripada penjawat awam di negeri Sabah. Sebanyak 700 soal selidik diedarkan, dengan kadar respons sebanyak 71.7 peratus.

### **Persampelan**

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah kerana populasi penjawat awam di kawasan kajian mempunyai ciri yang relatif homogen dari segi struktur organisasi dan sistem pentadbiran. Kaedah ini membolehkan setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden, sekali gus mengurangkan bias pemilihan dan meningkatkan kebolehwakilan sampel (Creswell, 2014). Pendekatan ini sesuai digunakan dalam kajian tinjauan yang melibatkan saiz sampel besar dan taburan geografi luas.

### **Instrumen Kajian dan Kebolehpercayaan**

Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi menilai persepsi responden terhadap enam bentuk rasuah utama dalam sektor awam, iaitu: makanan dan minuman, barangan berharga, wang tunai, faedah kerjaya, peluang pekerjaan, dan pertukaran perkhidmatan, selaras dengan saranan UNODC, UNDP dan UNODC-INEGI (2018).

Ujian kebolehpercayaan telah dijalankan menggunakan Cronbach's Alpha bagi mengukur konsistensi dalaman item-item kajian. Hasil analisis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha keseluruhan adalah  $\alpha = 0.69$ , yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan secara marginal boleh diterima. Walaupun sedikit di bawah nilai standard minimum 0.70, nilai ini masih memadai untuk tujuan kajian eksploratori dan menunjukkan instrumen yang digunakan adalah relatif konsisten untuk mengukur persepsi responden terhadap enam bentuk rasuah dalam sektor awam (Hair et al., 2019; Tavakol & Dennick, 2011).

### **Analisis Data**

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 30.0 Semua ciri demografi responden dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi menggambarkan taburan dan peratusan responden. Begitu juga, persepsi responden terhadap enam bentuk rasuah utama dianalisis secara deskriptif untuk menilai corak dan tahap persepsi secara keseluruhan. Analisis inferensi tidak digunakan untuk bahagian ciri demografi atau persepsi bentuk rasuah ini kerana objektifnya adalah untuk menerangkan corak keseluruhan dan tahap persepsi, bukan untuk membuat perbandingan antara kumpulan.

## Dapatan Kajian

Jadual 5 menunjukkan profil demografi responden kajian. Seramai 240 responden (47.8 peratus) adalah lelaki dan 262 responden (52.2 peratus) adalah wanita. Dari segi kaum, majoriti terdiri daripada Melayu sebanyak 238 responden (47.4 peratus) dan Bumiputera sebanyak 231 responden (46.0 peratus), manakala selebihnya ialah India 22 responden (4.4 peratus) dan Cina 11 responden (2.2 peratus). Berdasarkan agama, sebanyak 451 responden (89.8 peratus) beragama Islam, diikuti Kristian 47 responden (9.4 peratus) dan Buddha 4 responden (0.8 peratus). Dari segi umur, kumpulan terbesar ialah 26–30 tahun seramai 136 responden (27.1 peratus), diikuti 36–40 tahun seramai 103 responden (20.5 peratus) dan 31–35 tahun seramai 102 responden (20.3 peratus). Seterusnya, dari segi tahap pendidikan, majoriti responden memiliki kelulusan di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau setaraf.

**Jadual 5: Profil Demografi Responden.**

Pemboleh Ubah	Kategori	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	240	47.8
	Perempuan	262	52.2
Bangsa	Melayu	238	47.4
	Cina	11	2.2
	India	22	4.4
	Bumiputera	231	46.0
	Agama	Islam	451
	Kristian	47	9.4
	Buddha	4	0.8
Umur	20 tahun ke bawah	3	0.6
	21–25 tahun	31	6.2
	26–30 tahun	136	27.1
	31–35 tahun	102	20.3
	36–40 tahun	103	20.5
	41–45 tahun	54	10.8
	46–50 tahun	37	7.4
	51–55 tahun	23	4.6
	55 tahun ke atas	13	2.6
Pendidikan	UPSR dan setaraf	3	0.6
	PMR dan setaraf	7	1.4
	SPM dan setaraf	55	11.0
	STPM dan setaraf	68	13.5
	Sijil Kemahiran dan setaraf	68	13.5
	Ijazah Sarjana Muda dan setaraf	275	54.8
	Ijazah Sarjana dan setaraf	21	4.2
	Doktor Falsafah dan setaraf	5	1.0

Jadual 6 menunjukkan analisis deskriptif terhadap persepsi responden mengenai bentuk amalan rasuah yang lazim berlaku dalam sektor awam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 444 orang responden (88.4%) bersetuju bahawa pemberian wang tunai merupakan bentuk rasuah yang paling jelas dan mudah dikenal pasti diamalkan oleh penjawat awam. Sebaliknya, hanya 58 orang responden (11.6%) tidak bersetuju bahawa pemberian wang tunai merupakan satu bentuk rasuah.

Analisis deskriptif seterusnya menumpukan kepada bentuk rasuah dalam bentuk barangan berharga. Dapatan menunjukkan bahawa seramai 292 responden (58.2%) bersetuju bahawa pemberian barangan berharga merupakan satu bentuk rasuah, manakala 210 responden (41.8%) tidak bersetuju. Hal ini mencerminkan bahawa walaupun pemberian barangan berharga dianggap sebagai rasuah oleh majoriti responden, masih terdapat sebahagian kecil yang mungkin melihatnya sebagai pemberian sosial atau tanda penghargaan dalam konteks budaya dan adat tempatan.

Analisis berikutnya memberi tumpuan kepada bentuk rasuah yang melibatkan pemberian makanan dan minuman. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa persepsi responden adalah berbelah bahagi dengan 251 responden (50.0%) bersetuju dan 251 responden (50.0%) tidak bersetuju bahawa pemberian makanan dan minuman tergolong sebagai satu bentuk rasuah.

Analisis seterusnya memberi tumpuan kepada bentuk rasuah bukan kewangan yang melibatkan pemberian jawatan atau pekerjaan, kelebihan kerjaya, serta pertukaran perkhidmatan. Bagi bentuk rasuah melalui pemberian jawatan atau pekerjaan, didapati 198 responden (39.4%) bersetuju bahawa rasuah boleh berlaku dalam bentuk sedemikian manakala 304 responden (60.6%) tidak mengaitkannya dengan perbuatan rasuah. Seterusnya, bagi bentuk kelebihan kerjaya, sebanyak 137 responden (27.3%) berpandangan bahawa ianya merupakan satu bentuk rasuah manakala 365 responden (72.7%) tidak bersetuju. Akhir sekali, bagi bentuk rasuah melalui pertukaran perkhidmatan, hanya 107 responden (21.3%) bersetuju bahawa amalan tersebut wujud, manakala 395 responden (78.7%) tidak berpendapat demikian.

**Jadual 6: Persepsi Bentuk Rasuah**

Bentuk Rasuah	Yang Bilangan "Ya"	Peratus (%)	Bilangan "Tidak"	Peratus (%)
Makanan dan Minuman	251	50.0	251	50.0
Barang Berharga	292	58.2	210	41.8
Wang Tunai	444	88.4	58	11.6
Kelebihan Kerjaya	137	27.3	365	72.7
Jawatan atau Pekerjaan	198	39.4	304	60.6
Pertukaran Perkhidmatan	107	21.3	395	78.7

### Perbincangan

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa persepsi penjawat awam di Sabah masih tertumpu kepada pemahaman rasuah dalam bentuk yang bersifat material dan melibatkan suapan secara langsung, manakala bentuk rasuah bukan kewangan kurang diiktiraf sebagai satu bentuk pelanggaran etika. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 88.4 peratus responden mengenal pasti wang tunai sebagai bentuk rasuah yang paling jelas sekali gus menggambarkan tumpuan persepsi terhadap bukti material dan bentuk suapan langsung. Fenomena ini sejajar dengan dapatan Quah (2018) dan Gould dan Amaro-Reyes (1983) yang mendapati rasuah kewangan lebih mudah dikenal pasti kerana melibatkan pertukaran nyata antara pemberi dan penerima.

Selain wang tunai, pemberian barangan berharga turut dikategorikan sebagai bentuk rasuah kewangan kerana melibatkan pertukaran material yang mempunyai nilai ekonomi. Namun begitu, tahap persetujuan terhadap bentuk ini lebih rendah (58.2 peratus) menunjukkan bahawa sebahagian responden masih menilai hadiah berharga sebagai pemberian sosial dan bukannya suapan. Hal ini mencerminkan kekaburan sempadan antara hadiah tulen dan rasuah material

dalam budaya tempatan dan ianya sejajar dengan pemerhatian Alatas (1999) bahawa hadiah sering dianggap tanda penghargaan dalam konteks sosial Asia.

Menurut Rose-Ackerman (2018), bentuk rasuah kewangan dianggap paling serius kerana kesannya terhadap integriti pentadbiran dan kepercayaan awam adalah segera serta mudah diukur. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar penjawat awam memahami konsep rasuah berdasarkan definisi autoriti yang menekankan aspek undang-undang sebagaimana yang termaktub dalam Akta SPRM 2009 (Akta 694).

Persepsi bercampur terhadap makanan dan minuman (50 peratus) menunjukkan kekeliruan antara norma budaya dan tafsiran undang-undang. Dalam konteks tempatan, pemberian hadiah atau jamuan sering dianggap sebagai tanda penghargaan dan sopan santun (Alatas, 1999), namun menurut SPRM (2020) sebarang pemberian yang berpotensi mempengaruhi keputusan rasmi tetap dikategorikan sebagai rasuah. Kekeliruan ini dipengaruhi oleh nilai budaya seperti amalan berterima kasih dan membalas budi yang menilai pemberian kecil sebagai tanda hormat dan bukan suapan. Walau bagaimanapun, amalan sedemikian boleh menjadi asas kepada suapan tersirat apabila berlaku dalam konteks rasmi dan ianya sejajar dengan pandangan Johnston (2005) dan Larmour (2012) bahawa rasuah bukan kewangan sering disamakan di bawah norma sosial seperti “balas budi” dan “budi bahasa.”

Bagi bentuk rasuah yang melibatkan peluang pekerjaan, kelebihan kerjaya dan pertukaran perkhidmatan, dapatan menunjukkan tahap kesedaran yang lebih rendah (27–39 peratus) dalam kalangan responden. Sebahagian besar tidak melihat penyalahgunaan kuasa dalam pelantikan atau kenaikan pangkat sebagai perbuatan rasuah kerana ianya tidak melibatkan wang secara langsung dan sering berlaku melalui proses organisasi yang kelihatan sah. Keadaan ini konsisten dengan dapatan Rose-Ackerman (2018) serta Ngah dan Hussain (2023) yang menjelaskan bahawa rasuah berasaskan kuasa sukar dikenal pasti kerana ianya berlaku melalui saluran pengaruh sosial dan politik yang tersembunyi. Fenomena ini turut dapat dijelaskan melalui teori rasionalisasi tingkah laku tidak etika oleh Anand et al. (2004), di mana individu menjustifikasi tindakan mereka sebagai amalan biasa organisasi dan bukan kesalahan moral.

Dalam konteks ini, penjelasan akademik mengenai definisi harian rasuah perlu diintegrasikan dengan definisi autoriti supaya penjawat awam memahami bahawa penyalahgunaan kuasa atau kedudukan walaupun tanpa pertukaran wang, tetap tergolong dalam kategori rasuah menurut prinsip etika dan undang-undang. Kefahaman ini amat penting untuk membetulkan persepsi bahawa rasuah hanya melibatkan bentuk kewangan sedangkan bentuk bukan kewangan seperti nepotisme, kronisme dan layanan istimewa memberi kesan yang sama terhadap integriti pentadbiran.

Dapatan kajian ini membawa implikasi penting terhadap strategi antirasuah sektor awam di Sabah. Walaupun tahap kesedaran terhadap rasuah kewangan tinggi, kefahaman terhadap bentuk rasuah bukan kewangan masih rendah dan sering dinormalisasi sebagai amalan sosial. Oleh itu, usaha pembaikan perlu melibatkan latihan dan pendidikan integriti yang menekankan perbezaan antara pemberian sosial dan suapan tersirat serta memperkukuh kefahaman terhadap hubungan antara definisi autoriti dan definisi harian. Dalam hal ini, kempen kesedaran yang dijalankan oleh SPRM perlu melibatkan semua lapisan masyarakat bagi membentuk kefahaman yang lebih mendalam tentang pelbagai bentuk amalan rasuah dan implikasinya terhadap kepercayaan awam.

Selain itu, dasar etika dalam organisasi perlu diperkuat dengan garis panduan yang jelas berhubung penerimaan hadiah, faedah dan pertukaran perkhidmatan yang boleh menjejaskan integriti. Kajian lanjutan secara rentas negeri juga wajar dijalankan bagi menilai peranan kepimpinan dan budaya organisasi sebagai moderator terhadap niat berlakunya rasuah dalam kalangan penjawat awam.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa persepsi terhadap rasuah dalam kalangan penjawat awam masih berpaksikan kepada bentuk kewangan dan material sementara bentuk bukan kewangan kurang difahami serta sering dianggap sebagai amalan sosial yang tidak berbahaya. Jurang kefahaman ini menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh pendidikan nilai dan kesedaran moral bagi menyeimbangkan pemahaman antara definisi autoriti dan definisi harian. Dengan kata lain, memahami rasuah bukan sahaja dari dimensi perundangan tetapi juga dari dimensi budaya, psikologi dan sosial adalah penting bagi membentuk sistem integriti sektor awam yang lebih holistik dan berkesan.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa bentuk rasuah kewangan seperti pemberian wang tunai dan barangan berharga merupakan amalan yang paling lazim dalam kalangan penjawat awam di Sabah. Tahap kefahaman responden terhadap bentuk rasuah juga didapati lebih terarah kepada rasuah berbentuk kewangan berbanding bukan kewangan yang melibatkan pemberian makanan, peluang kerjaya dan pertukaran perkhidmatan. Bentuk bukan kewangan ini dilihat lebih sukar dikenal pasti kerana sering disamarkan sebagai amalan sosial atau profesional yang dianggap biasa dalam persekitaran kerja. Dapatan ini memberikan sumbangan penting kepada pemahaman tentang bagaimana nilai budaya dan persepsi etika mempengaruhi tafsiran terhadap bentuk rasuah dalam sektor awam khususnya dalam membezakan antara bentuk rasuah kewangan dan bukan kewangan. Namun begitu, batasan kajian termasuk skop lokasi yang terhad serta potensi bias sosial dalam jawapan responden perlu diakui. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan dijalankan secara rentas budaya dan negeri serta meneliti peranan kepimpinan berintegriti dan etika organisasi sebagai faktor yang dapat memperkukuh budaya integriti dalam sektor awam Malaysia.

## Rujukan

- Abdullah, A., Sulong, Z., & Said, R. M. (2014). An analysis on ethical climate and ethical judgment among public sector employees in Malaysia. *Journal of Applied Business and Economics*, 16(2), 133–142. 16 (2). ISSN 1499-691X
- Abdullah, M. R. (2012). Pencegahan rasuah di Malaysia: *Analisis terhadap pelaksanaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia. ISBN: 978-9678927970
- Abdullah, M. R. (2018). *Rasuah dalam sektor awam Malaysia: Analisis faktor dan kesan*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia Press. (ISBN: 978-9839479973)
- Abdullah, W. M. T. W., Daud, S., & Hanapiyah, Z. M. (2020). Improving human value through religiosity and spirituality in reducing corruption risk. In N. S. Othman, et al. (Eds.), *Driving sustainability through business-technology synergy* (Vol. 100, pp. 676–684). European Proceedings. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2020.12.05.85>
- Abdul Rahman, N., Mohamad Mangsor, M., Idris, S. H., & Rahmat, N. E. (2022). Enhancing anti-corruption, accountability and transparency laws in Malaysia's health sector. *Journal of Governance and Integrity*, 5(2), 107–118. <https://doi.org/10.15282/jgi.5.2.2022.107>
- Association of Certified Fraud Examiners (ACFE). (2018). *Report to the Nations on Occupational Fraud and Abuse* (pp. 1–92). Association of Certified Fraud Examiners. <https://www.acfe.com/rtnn-archive.aspx>
- Ahmad, A. A., Rahman, N. A., & Ismail, R. (2023). Facilitation payments and small bribes in Malaysian public administration: Empirical insights. *Asian Journal of Governance*, 15(2), 101–118. <https://doi.org/10.1080/ajg.2023.0152>
- Åkerström, M. (2017). Suspicious Gifts: Bribery, Morality, and Professional Ethics. <https://www.taylorfrancis.com/books/mono/10.4324/9781315130507/suspicious-gifts-malin-%C3%A5kerstr%C3%B6m>
- Åkerström, M. (2014). *Suspicious gifts: Bribery, morality, and professional ethics*. Transaction Publishers. (ISBN: 978-0-7658-0761-8)
- Alatas, S. H. (1999). *Corruption and the destiny of Asia*. Prentice Hall (M) Sdn. Bhd.; Simon & Schuster (Asia) Pte. Ltd. (ISBN: 9789839236088)
- Adam, A. M., & Rachman-Moore, D. (2004). The methods used to implement an ethical code of conduct and employee attitude. *Journal of Business Ethics*, 54, 225–244. <https://doi.org/10.1007/s10551-004-1774-4>
- Anand, V., Ashforth, B. E., & Joshi, M. (2004). *Business as usual: The acceptance and perpetuation of corruption in organizations*. *Academy of Management Executive*, 18(2), 39–53. <https://doi.org/10.5465/ame.2004.13837437>
- Baharuddin, S. A. (1996). *Nation-of-intent: Dynamics of ethnicity, identity and nationalism in Malaysia*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia Press. (ISBN: 9839513279)
- Baharuddin, S. A. (2001). *Identiti dan etnik: Perbincangan teori dan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharuddin, S. A. (2007). Takrifan autoriti sebagai wacana realiti sosial dalam konteks Malaysia. [PDF]. Diperoleh daripada <https://media.neliti.com/media/publications/322787-takrifan-autoriti-sebagai-wacana-realiti-c6c9880c.pdf>
- Baharuddin, S. A. (2008). *Modul pengenalan asas sains sosial*. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharuddin, S. A. (2017). *Membina negara bangsa Malaysia: Peranan ilmu dan cabaran sosiobudaya*. Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharuddin, S. A. (2020). *Rasuah dalam budaya Malaysia: Antara definisi autoriti dan harian*. Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Barsukova, S. Y., & Ledeneva, A. V. (2014). From the global corruption paradigm to the study of informal practices: Differences in the approaches of outsiders and insiders. *Voprosy Ekonomiki*, 2, 118–132. Doi: 10.32609/0042-8736-2014-2-118-132
- Basabose, J. (2019). Corruption, ethics and accountability: *A social constructionist approach*. Routledge. <https://doi.org/10.1007/978-3-030-03365-1>
- Bergemann, L., & Aven, B. L. (2020). Silencing the whistle: How social cohesion inhibits ethical voice. *Organization Studies*, 41(7), 897–917. DOI: 10.1177/0170840620902615
- Bergemann, L., & Aven, B. L. (2022). The moral cost of loyalty: Group cohesion and the suppression of ethical reporting. *Journal of Business Ethics*, 182(3), 681–697. DOI: 10.1007/s10551-021-04957-w
- Carlà-Uhink, F., & Morcillo, M. G. (2024). Problems and challenges of historical research on corruption: The Roman Republic. *Eunomia: Revista en Cultura de la Legalidad*, 26, 120–141. DOI: <https://doi.org/10.20318/eunomia.2024.8506>
- Churchill, S. A., Simityu, S. M., & Sikalieh, D. (2013). The dissemination channels of corruption in developing economies. *Asian Economic and Financial Review*, 3(10), 1314–1331 (ISSN: 2304-0279 (print) / 2304-419X (online))
- Deyong, C., & Ferguson, L. (2017). Corruption in public procurement: Patterns and prevention strategies. *Journal of Public Administration Research*, 29(3), 245–260. <https://doi.org/10.1093/jopart/mux010>
- Dosumu, F. (2018). Bribery and facilitation payments in developing countries: Evidence from procurement projects. *International Journal of Public Sector Management*, 31(5), 567–582. <https://doi.org/10.1108/IJPSM-01-2018-0012>
- Fazlioglu, F. (2021). Measuring corruption beyond bribery: Lessons from the implementation of the United Nations Convention against Corruption (UNCAC). *Journal of Economic Crime and Governance*, 14(2), 85–102. (E-ISSN (online): 3299-2444)
- Fredericks K. A., McComas R. E. and Weatherby, G. A. (2016). ‘White collar crime: recidivism, deterrence and social impact’, *Forensic Research and Criminology International Journal*, Vol.2, No.1, 00039. doi: 10.15406/frcij.2016.02.00039 collar crime: recidivism, deterrence and social impact’
- Gnimassoun, B., & Massil, J. K. (2019). Determinants of corruption: Can we put all countries in the same basket? *European Journal of Comparative Economics*, 16(2), 239-276. DOI: 10.25428/1824-2979/201902-239-276
- Gould, D. J., & Amaro-Reyes, J. A. (1983). The effects of corruption on administrative performance: Illustrations from developing countries. *Washington, DC: World Bank*. ISBN-10: 0821302590
- Hameed, N. M. S. (2022). *Rasuah Merompak Ekonomi Negara*. [https://bku.upm.edu.my/article/rasuah\\_merompak\\_ekonomi\\_negara-71666](https://bku.upm.edu.my/article/rasuah_merompak_ekonomi_negara-71666)
- Hassan, N. (2017). *Understanding corruption in public sector organizations: Cultural and ethical perspectives*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron, R. (2020). Corruption and governance at the local authority level in Malaysia: A case analysis. *Asian Journal of Business and Accounting*, 13(2), 45–67 (ISSN: 0128-1976 (print) dan 2180-3246 (online))
- Heywood, P. M. (2017). *Routledge handbook of political corruption*. London: Routledge. (ISBN-13: 978-1138594890)
- Husted, B. W. (1999). Wealth, culture, and corruption. *Journal of International Business Studies*, 30(2), 339–360. <https://doi.org/10.1057/palgrave.jibs.8490074>
- Ismail Khan, N., Fadzillah, M. D., Yusof, Y., & Emmarelda, M. A. (2020). Islamic work ethics and fraud deterrence in the Malaysian public sector. *‘Abqari Journal*, 22(1), 7-25. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol22no1.282>

- Johnston, M. (2005). *Syndromes of corruption: Wealth, power, and democracy*. Cambridge University Press. DOI: 10.1017/CBO9780511490965
- Jones, K. S., & Stout, T. (2015). Social connection preferences and the moral psychology of nepotism. *Journal of Business Ethics*, 132(2), 311–325. <https://doi.org/10.1007/s10551-014-2315-2>
- Joseph M. Ntayi, Pascal Ngoboka & Cornelia S. Kakooza. (2013). Moral schemas and corruption in Ugandan public procurement. *Journal of Business Ethics*, 112(3), 417-436. <https://doi.org/10.1007/s10551-012-1269-7>
- Johari, R. J., Sayed Hussin, S. A. H., Wan Mohamed, W. N., & Rashid, N. (2020). Analysis of Auditor General's report: Delay issue in project completion. *Journal of Advanced Research in Dynamical and Control Systems*, 12(1), 42–45. DOI: 10.5373/JARDCS/V12I1/20201006
- Kaufmann, D., Kraay, A., & Mastruzzi, M. (2019). *The Worldwide Governance Indicators: Methodology and analytical issues*. Washington, DC: World Bank. DOI: 10.1017/S1876404511200046
- Klitgaard, R. (2015). *Controlling Corruption*. (Universiti California Press) ISBN-13: 978-0520074088
- Kuris, N. H. A., Zahir, M. Z. M., Ali, H. M., & Hassan, M. S. (2022). The thin line between corporate gift, hospitality and corruption: A legal study on Malaysia's and the UK's position. *Journal of Money Laundering Control*, 26(4), 719-738. <https://doi.org/10.1108/JMLC-03-2022-0040>
- Larmour, P. (2008). Corruption and the concept of “Culture”: Evidence from the Pacific Islands. *Crime Law and Social Change*, 49(3), 225–239. <https://doi.org/10.1007/S10611-007-9098-9>
- Larmour, P. (2012). *Understanding corruption in the Pacific: A practical guide*. ANU Press. (ISBN: 978-1922145782) DOI: <http://doi.org/10.22459/CEF.09.2012>
- Luna-Pla, I., & Carlock, N. (2020). Corruption and complexity: A scientific framework for the analysis of corruption networks. *Springer*. <https://doi.org/10.1007/978-3-030-52938-4>
- Luo, Y. (2005). Corporate governance and accountability in multinational enterprises: Cultural influences and organizational practices. *Journal of International Business Studies*, 36(2), 188–200. <https://doi.org/10.1057/palgrave.jibs.8400132>
- Malaysia. (2009). *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. [https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page\\_id=75](https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75)
- Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC). (2020). *Handbook on gifts, benefits and hospitality for public officers*. Malaysian Anti-Corruption Commission. <https://www.example.gov.my/macc-handbook-gifts-benefits.pdf>
- Mujtaba, B. G. (2011). Perceptions of bribery and business ethics across Afghanistan: A reflection on reality and crises management. *Journal for Global Business Advancement*, 4(2), 88–117. (ISSN 2278-0461)
- Nafi, N., & Kamaluddin, A. (2019). Good governance and integrity: Academic institution perspective. *International Journal of Higher Education*, 8(3), 1–10. (ISSN 1927-0526; e-ISSN 1927-0534)
- Nash, R., Scharbatke-Church, C., Toribio, Z., Woodrow, P., & Brinkerhoff, D. W. (2023). *Understanding corruption and social norms: A case study in natural resource management* (RTI Press Occasional Paper No. OP-0089-2309). RTI Press. <https://doi.org/10.3768/rtipress.2023.op.0089.2309>

- Ngah, N., & Hussain, F. (2023). Financial corruption in Malaysian public sector agencies: Evidence from procurement and law enforcement. *Malaysian Journal of Public Administration*, 18(1), 45–63. <https://doi.org/10.21315/mjpa.2023.18.1.3>
- Nordin, R. M., Takim, R., & Nawawi, A. H. (2013). Behavioural factors of corruption in the Malaysian construction industry. *International Conference on Civil Engineering and Architecture (ICCEA 2013)*.
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). (2017). *Foreign bribery report: An analysis of the crime of bribery of foreign public officials*. OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/9789264252618-en>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2024). *Anti-corruption and integrity outlook 2024* (OECD Publishing). <https://doi.org/10.1787/968587cd-en>
- Oliveira, A. A. de. (2017). Nepotism in Brazilian public administration: Historical overview and its association with corruption. *Revista da Cgu*, 9(14), 23. <https://doi.org/10.36428/REVISTADACGU.V9I14.84>
- Othman, I. W., Kamal, N. H. I. M., Yusoff, M. S. & Mokhtar, S. (2024). *Corruption Undermines Malaysia's Stability: Contrastingly Charity Fosters Societal Cohesion and National Integrity*. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(38), 435-457. DOI: 10.35631/IJLGC.938029
- O'Toole, J. (2024). Power, integrity, and corruption: Rethinking ethics in governance. *Global Public Administration Review*, 16(1), 22–38.
- Pardo, I. (2017). Corruption, governance and socio-political pathology. In I. Pardo & G. B. Prato (Eds.), *Corruption in contemporary politics: Global issues and perspectives* (pp. 15–32). Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1057/9781403919991> (eBook ISBN: 978-1-4039-1999-1)
- Quah, J. S. T. (2018). Combating corruption in Asian countries: Learning from success & failure. *Daedalus*, 147(3), 202–215. [https://doi.org/10.1162/daed\\_a\\_00511](https://doi.org/10.1162/daed_a_00511)
- Rabl, T., & Kühlmann, T. M. (2008). Understanding corruption in organizations: Development and empirical assessment of an action model. *Journal of Business Ethics*, 82(2), 477–495. <https://doi.org/10.1007/s10551-008-9898-6>
- Riyadi, A. (2023). Abuse of power and legal corruption in public administration: Evidence from Southeast Asia. *International Journal of Law and Society*, 6(1), 11–22. (e-ISSN 3046-9562; p-ISSN 3046-9619)
- Rose-Ackerman, S. (1999). *Corruption and Government: Bribes, Patronage, and Gift Giving* (pp. 91–110). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9781139175098.007>
- Rose-Ackerman, S. (2018). *Corruption and government: Causes, consequences, and reform* (2nd ed.). Cambridge University Press. ISBN: 978-1107155110
- Sajari, A., Haron, H., & Ismail, I. (2019). Effectiveness of quality of chief integrity officer, ethical climate on the level of ethics and integrity in the Malaysian federal (Vol. 3, No. 1). *Journal of Governance and Integrity*. <https://doi.org/10.15282/jgi.3.1.2019.5422>
- Sebastian-Lira, Y. A. (2024). Police Corruption and the Filipino Culture of Gift-giving. *IntechOpen*. <https://doi.org/10.5772/intechopen.1004306>
- Snow, P. (2024). Revisiting global anti-corruption definitions: Why Transparency International's framing still matters. *Journal of Governance and Integrity Studies*, 5(1), 22–35. ISSN: 2600-7920
- Soroka, S. (2025). Corruption as a negative phenomenon of society. *Bulletin of the National University "Lviv Polytechnic,"* 12(46), 294–301. <https://doi.org/10.23939/law2025.46.294>

- Transparency International. (1995). *Corruption and integrity: Definitions and conceptual frameworks*. Berlin: Transparency International.
- Transparency International Malaysia. (2022). *Malaysia corruption report 2022*. Transparency International Malaysia. <https://www.transparency.org.my>
- Transparency International. (2023). *Corruption perceptions index 2023: Global analysis*. Transparency International. <https://www.transparency.org/en/cpi/2023>
- United Nations Office on Drugs and Crime, United Nations Development Programme, & UNODC–INEGI Center of Excellence in Statistical Information on Government Crime Victimization and Justice. (2018). *Manual on corruption surveys*. United Nations Office on Drugs and Crime. <https://www.unodc.org>
- United Nations. (2003). *United Nations Convention against Corruption (UNCAC)*. United Nations Office on Drugs and Crime. Retrieved from <https://www.unodc.org/unodc/en/corruption/UNCAC-signatures.html>
- United Nations. (2005). *United Nations Convention against Corruption (UNCAC): Implementation guide and resource for policymakers*. United Nations Office on Drugs and Crime. Retrieved from [https://www.unodc.org/documents/corruption/Publications/2020/Implementation\\_Guide\\_and\\_Evaluative\\_Framework\\_for\\_Article\\_11\\_-\\_English\\_Revised\\_2020.pdf](https://www.unodc.org/documents/corruption/Publications/2020/Implementation_Guide_and_Evaluative_Framework_for_Article_11_-_English_Revised_2020.pdf)
- Walton, G. W., & Jackson, D. (2020). Reciprocity networks, service delivery, and corruption: The wantok system in Papua New Guinea. U4 Issue Paper 2020:1. Chr. Michelsen Institute. <https://www.u4.no/publications/reciprocity-networks-service-delivery-and-corruption-the-wantok-system-in-papua-new-guinea>
- World Bank. (1997). *Helping countries combat corruption: The role of the World Bank*. Washington, DC: World Bank. Retrieved from <https://documents.worldbank.org/en/publication/documents-reports/documentdetail/799831538245192753/helping-countries-combat-corruption-the-role-of-the-world-bank>
- Yap, J. B. H., Lee, K. Y., Rose, T., & Skitmore, M. (2022). Corruption in the Malaysian construction industry: Investigating effects, causes, and preventive measures. *International Journal of Construction Management*, 22(8), 1525–1536. <https://doi.org/10.1080/15623599.2020.1728609>
- Yilmaz, E. A. (2024). Corruption as an ethical problem, its causes, and possible preventive measures. *Journal of Social Research and Behavioral Sciences*. <https://doi.org/10.52096/jsrbs.10.22.03>
- Zakaria, N. S., Sawatan, W., Mohd Zaid, A. S., & Salleh, N. (2023). The perception of public servant towards forms of corruption at the workplace. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(11), 359-366. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i11/19265>
- Zgheib, P. W. (2015). *Bribery and Corruption* (pp. 144–158). IGI Global. <https://doi.org/10.4018/978-1-4666-8195-8.CH008>